KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP




24 JAM

# BERITA KPDN

## KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

***Untuk makluman:***

- *YB Menteri*
- *YB Timbalan Menteri*
- *YBhg. KSU*
- *YBhg. TKSU (PPDN)*
- *YBhg. TKSU (PPP)*
- *Setiausaha Akhbar*

***Tarikh:*** **23 Disember 2025**

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR

## KPDN

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

# Lebih 8 tan minyak masak paket gagal diseludup

**Tumpat:** Lebih lapan tan minyak masak paket dipercayai untuk diseludup ke Thailand dirampas di rumah di Kampung Bunohan, di sini.

Serbuan dijalankan penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Kelantan bersama Pasukan Polis Marin (PPM) Wilayah 3 Pengkalan Kubor, kira-kira jam 3 petang kelmarin.

Pengarah KPDN Kelantan, Azman Ismail, berkata serbuan itu dibuat selepas pihak berkuasa mengekori lori jenis Isuzu yang dipandu dalam keadaan mencurigakan bermula dari Pasir Puteh.

"Pihak berkuasa mengekori lori itu sejauh lebih 50 kilometer (km) sebelum tiba di sebuah rumah dipercayai sebagai lokasi transit.

"Beberapa lori lain turut dilihat di lokasi dipercayai digunakan untuk pengedaran minyak masak dua jenama yang dibawa dari Terengganu oleh lori berkenaan.

"Sebaik diserbu, tiga lelaki iaitu pemandu dan kelindan pantas melarikan diri dan hasil pemeriksaan dalam lori terbabit menemui 450 kotak yang mengandungi minyak masak paket bersubsidi," katanya dalam kenyataan media, semalam.

Azman berkata, semua barang bersubsidi itu dianggarkan bernilai RM20,825 dan nilai keseluruhan rampasan berjumlah RM65,825, termasuk lori.

Beliau berkata, pihaknya giat mengesan seorang daripada suspek yang berusia 31 tahun berpandukan dokumen pengenalan yang tercicir.

"Kes disiasat mengikut Seksyen 21 Akta Kawalan Bekalan 1961 kerana memiliki barang kawalan dengan niat untuk melakukan kesalahan," katanya.



*Sebuah lori yang membawa lebih lapan tan minyak masak paket bersubsid dipercayai untuk diseludup disita KPDN Kelantan, semalam.* (Foto ihsan KPDN)

Utusan Malaysia
HARI: SELASA
TARIKH: 23/12/2025
M/SURAT: 9

# Gagal seludup lebih 8 tan minyak masak ke Thailand

**TUMPAT:** Cubaan tiga lelaki untuk menyeludup lebih lapan tan minyak masak peket bersubsidi ke Thailand gagal, selepas pihak berkuasa merampas sebuah lori membawa muatan tersebut di Kampung Bunohan di sini, kelmarin.

Rampasan bernilai RM20,825 itu dilakukan hasil operasi bersepadu antara Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) bersama Pasukan Polis Marin (PPM) Wilayah 3 Pengkalan Kubor pada pukul 2.57 petang.

Pengarah KPDN Kelantan, Azman Ismail berkata, sebelum itu pihaknya telah mengekori lori jenis Isuzu itu sejauh 58.8 kilometer dari Pasir Puteh ke Bunohan.

Katanya, menyedari kehadiran anggota penguat kuasa, lori tersebut telah berhenti secara mengejut di Kampung Bunohan dan tiga lelaki termasuk pemandu bertindak melarikan diri.

"Hasil pemeriksaan menjumpai 8,330 kilogram minyak masak peket bersubsidi yang disyaki untuk tujuan penyelewengan. Nilai keseluruhan rampasan termasuk lori dianggarkan berjumlah RM65,825.

"Usaha mengesan suspek dilakukan selama hampir dua jam di sekitar lokasi kejadian, namun kesemua individu terbabit gagal dikesan dan tiada pihak tampil mengaku sebagai pemilik kenderaan dan barangan berkenaan," katanya.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Harian Metro

HARI: SELASA

TARIKH: 23/12/2025

M/SURAT: 4

CUBAAN SELUDUP LAPAN TAN MINYAK MASAK KE THAILAND

# Ekori lori sejauh 50km sebelum diserbu

**Tumpat:** Lebih lapan tan minyak masak peket dipercayai untuk diseludup ke Thailand dirampas di sebuah rumah di Kampung Bunohan, di sini.

Serbuan dibuat penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Kelantan bersama Pasukan Polis Marin (PPM) Wilayah 3 Pengkalan Kubor jam 2.57 petang kelmarin.

Pengarah KPDN Kelantan, Azman Ismail berkata, serbuan itu dibuat selepas pihak berkuasa mengekori lori Isuzu yang dipandu dalam keadaan mencurigakan bermula dari Pasir Puteh.

Katanya, pihak berkuasa mengekori lori itu sejauh lebih 50 kilometer (km) sebelum tiba di sebuah rumah dipercayai sebagai lokasi transit.

"Beberapa lori lain turut dilihat di lokasi dipercayai akan digunakan untuk pengedaran minyak masak dua jenama yang dibawa dari Terengganu.

"Sebaik diserbu, tiga lelaki iaitu pemandu dan kelindan tergesa-gesa melarikan diri dan hasil pemeriksaan dalam lori terbabit menemukan sebanyak 450 kotak yang mengandungi minyak masak peket bersubsidi," katanya dalam kenyataan media, semalam.

**Nilai keseluruhan rampasan berjumlah RM65,825 termasuk lori**

Azman berkata, semua barangan bersubsidi itu bernilai RM20,825 dan nilai keseluruhan rampasan berjumlah RM65,825 termasuk lori.

Beliau berkata, pihaknya giat mengesan seorang daripada suspek yang berusia 31 tahun berpandukan dokumen pengenalan yang tercicir.

"Kes itu disiasat mengikut Seksyen 21 Akta Kawalan Bekalan 1961 kerana memiliki barang kawalan dengan niat untuk melakukan kesalahan," katanya.



SEBANYAK 450 kotak yang mengandungi lebih lapan tan minyak masak peket bersubsidi dianggarkan bernilai RM20,825 dirampas dari sebuah lori di sebuah rumah di Kampung Bunohan.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Utusan Borneo online

HARI: SELASA

TARIKH: 23/12/2025

M/SURAT: 13

# KPDN Kelantan sita lebih 8 tan minyak masak peket bersubsidi

**KOTA BHARU:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Kelantan menyita lebih lapan tan minyak masak peket bersubsidi menerusi satu operasi bersepadu di Kampung Bunohan, Tumpat kelmarin.

Pengarahnya Azman Ismail berkata, operasi itu yang dijalankan bersama Pasukan Polis Marin Wilayah 3 Pengkalan Kubor pada 2.57 petang mendapati sebuah lori jenis Isuzu dengan nombor pendaftaran tempatan dipandu dalam keadaan mencurigakan.

Beliau berkata, pasukannya telah mengekori lori berkenaan dan semasa serbuan dilakukan pemandu bersama dua individu yang dipercayai sebagai kelindan telah bertindak melarikan diri ke kawasan semak berhampiran.

"Hasil pemeriksaan ke atas lori terbabit menemukan kira-kira 450 kotak berisi minyak masak peket bersubsidi berjenama yang disyaki untuk tujuan penyelewengan.

"Pihak KPDN telah menyita lori Isuzu berkenaan bernilai RM45,000 bersama muatan minyak masak bersubsidi berjumlah keseluruhan 8,330 kilogram dengan nilai RM20,825, menjadikan nilai keseluruhan rampasan RM65,825," katanya dalam kenyataan semalam.

Mengulas lanjut, Azman berkata kes disiasat mengikut Seksyen 21 Akta Kawalan Bekalan 1961 kerana memiliki barang kawalan dengan niat untuk melakukan kesalahan.

"Usaha mengesan suspek dilakukan hampir dua jam di sekitar lokasi kejadian namun kesemua individu terbabit gagal dikesan dan tiada pihak tampil mengaku sebagai pemilik kenderaan serta barangan berkenaan," katanya. — Bernama

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Utusan Sarawak

HARI: SELASA
TARIKH: 23/12/2025
M/SURAT: 4

# 14 goods under Christmas Maximum Price Scheme

**SIBU**: A total of 14 types of goods have been listed under the implementation of the 2025 Christmas festive Season Maximum Price Scheme (SHMMP) for the Sibu Division.

Ministry of Domestic Trade and Cost of Living (KPDN) Sibu branch head, Kelyn Bolhassan @ Haliward said the SHMMP would last for five days effective from Dec 23 to 27.

The listed controlled goods consisted of Live Chicken; Chicken Wings; Imported Mutton with Bones; Live Pigs (Controlled at Farm Level Only); Pork (Belly); Pork (Meat and Fat); Imported Round Cabbage (Indonesia and China Excluding Beijing); Carrots (China); Tomatoes; Green Bell Peppers; Red Chillies; Imported Potatoes (China); Large Red Onions; and Large Yellow Onions.

"Traders who violate the prescribed SHMMP will legal action. Any trader found committing the offence will face the wrath of the law under section 21 of the Price Control and Anti-Profiteering Act 2011 ," according to him in a press statement yesterday.

Kelyn cautioned that errant trader caught for selling price controlled goods could be fined up to RM100,000 or three years' imprisonment or both for individual offence and RM500,000 for the corporation or company.

He also warned traders selling at controlled prices to display pink tags on the goods to distinguish them from other items.

"Failure to do so could land them to be fined up to RM10,000 for individual offence and RM20,000 for a corporation or company. Traders must adhere with the instructions imposed and practise an ethical attitude in managing business while consumers must know their responsibility and exercise their rights.

"It is also reminded that manufacturers, wholesalers and retailers should not increase prices suddenly after the end of the implementation of this scheme.

This scheme will be successful if all parties are responsible and play their respective roles," Kelyn added.

For any complaint, consumers can channel to KPDN through the ez adu smartphone app, website: e-aduan,kpdnhep .gov,my; email to the address: e-aduan@kpdnhep.gov.my; report to the KPDN office Sibu branch at Level 1, Wisma Persekutusan Block 3, Sibu or call the KPDN Sibu branch office phone number at 084-335622.

Alternatively, complaints can be sent via WhatsApp to 019-2794317.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

THE LARGEST ENGLISH DAILY IN BORNEO
THE BORNEO POST

HARI: SELASA
TARIKH: 23/12/2025
M/SURAT: 4

# SHMMP: Sibu gazettes 14 items for X'mas

**SIBU:** In preparation for the Christmas festive season, 14 items have been placed under a controlled pricing scheme in Sibu Division.

The Festive Season Maximum Price Scheme (SHMMP) will be in effect for five days, from today till Dec 27.

The gazetted items include live old chicken, chicken wings, imported bone-in mutton, live pigs (control at farm level only), pork belly, pork (meat and fat), imported round cabbage (from Indonesia and China, excluding Beijing), red carrots from China, tomatoes, green capsicum, red chillies, imported potatoes from China, large red onions, and large yellow onions.

In a statement, Ministry of Domestic Trade and Cost of Living (KPDN) Sibu chief Kelyn Bolhassan @ Haliward issued a stern warning to traders against violating the SHMMP.

He said a notice under Section 21 of the Price Control and Anti-Profiteering Act 2011 could be issued against those found indiscriminately increasing prices for these items.

> Individuals who sell price-controlled goods above the maximum price, upon conviction, can be fined up to RM100,000, sentenced to three years' jail, or both, or slapped with a compound of up to RM50,000.
>
> **Kelyn Bolhassan @ Haliward**

"Traders are reminded that strict action will be taken against those who fail to comply with the regulations under this scheme," he said.

"Individuals who sell price-controlled goods above the maximum price, upon conviction, can be fined up to RM100,000, sentenced to three years' jail, or both, or slapped with a compound of up to RM50,000."

For companies, the maximum fine is RM500,000, with a compound option of up to RM250,000.

Kelyn also stressed the mandatory use of pink price tags for the listed goods.

"Failure to display the pink price tags can result in a fine of up to RM10,000 for an individual, or a compound of up to RM5,000.

"Companies committing this offence risk a fine of up to RM20,000, or a compound of up to RM10,000," he added.

He called on all traders to adhere to the regulations and uphold ethical business practices, while also advising consumers to be aware of their rights.

Complaints or information regarding unethical trade practices can be submitted to the ministry through the Ez ADU smartphone app, the website e-aduan.kpdnhep.gov.my, or via email at e-aduan@kpdnhep.gov.my.

The public can also contact the KPDN Sibu Office on 084-335622 or send a WhatsApp message to 019-2794317.



KPDN Sibu enforcement officers conduct a price check of goods at a supermarket.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# BERITA ONLINE

## KPDN

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

| BERITA ONLINE BERTARIKH 23 DISEMBER 2025 | | | |
|---|---|---|---|
| TARIKH | TAJUK | PAUTAN | MEDIA |
| 23-Dec | KPDN fokus kawalan harga 14 barangan keperluan sempena Krismas | https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/kpdn-fokus-kawalan-harga-14-barangan-keperluan-sempena-krismas | RTM, |
| 23-Dec | KPDN serbu rumah simpan minyak masak mahu diseludup, suspek lolos tapi tercicir dokumen pengenalan diri | https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/12/1488038/kpdn-serbu-rumah-simpan-minyak-masak-mahu- | BERITA HARIAN |
| 23-Dec | KPDN rampas lebih 8 tan minyak masak peket cuba diseludup | https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2025/12/1302892/kpdn-rampas-lebih-8-tan-minyak-masak-peket-cuba- | HARIAN METRO |
| 23-Dec | KPDN Kelantan sita 8 tan minyak masak subsidi | https://malaysiagazette.com/2025/12/22/kpdn-kelantan-sita-8-tan-minyak- | MALAYSIA GAZETTE |
| 23-Dec | KPDN rampas 8.3 tan peket minyak subsidi di Tumpat | https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2025/12/22/kpdn-rampas-8-3-tan-peket- | FREE MALAYSIA TODAY |
| 23-Dec | Tiga lelaki lari, gagal seludup lebih 8 tan minyak masak peket ke Thailand | https://www.utusan.com.my/berita/2025/12/tiga-lelaki-lari-gagal-seludup-lebih-8-tan-minyak-masak-peket-ke | UTUSAN |
| 23-Dec | Indeks Sentimen PKS meningkat, cermin optimisme perniagaan separuh kedua 2025 | https://berita.rtm.gov.my/ekonomi/senarai-berita-ekonomi/senarai-artikel/indeks-sentimen-pks-meningkat,-cermin-optimisme-perniagaan-separuh-kedua-2025 | RTM |

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

| | | | |
|---|---|---|---|
| 23-Dec | Sentimen peniaga mikro, kecil, sederhana berada di tahap tinggi - SME Bank | https://www.bharian.com.my/bisnes/usahawan/2025/12/1488200/sentimen-peniaga-mikro-kecil-sederhana-berada-di-tahap- | BERITA HARIAN |
| 23-Dec | 配合圣诞节 14类商品列价格 | https://news.seehua.com/post/1421460 | SEE HUA |
| 23-Dec | Over 8 tonnes of subsidised cooking oil seized in Tumpat | https://www.nst.com.my/news/regional/2025/12/1342743/over-8-tonnes-subsidised-cooking-oil-seized-tumpat | NST |
| 23-Dec | KPDN Kelantan sita lebih 8 tan minyak masak paket bersubsidi | https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2505369 | BERNAMA |
| 23-Dec | KPDN Kelantan sita lebih 8 tan minyak masak paket bersubsidi | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kpdn-kelantan-sita-lebih-8-tan-minyak-masak-paket-bersubsidi-552685 | ASTRO AWANI |
| 23-Dec | KPDN rampas 8.3 tan peket minyak subsidi di Tumpat | https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2025/12/22/kpdn-rampas-8-3-tan-peket-minyak- | FREE MALAYSIA TODAY |
| 23-Dec | Over 8 tonnes of subsidised cooking oil packets seized in Tumpat | https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/12/22/over-8-tonnes-of-subsidised-cooking-oil-packets-seized-in-tumpat | THE STAR |
| 23-Dec | KPDN Kelantan rampas lebih 8 tan minyak masak paket subsidi | https://thesun.my/berita/tempatan/kpdn-kelantan-rampas-lebih-8-tan-minyak-masak-paket-subsidi/ | THE SUN |